

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 1998/99

April 1999

JKP412/315 - Politik Masyarakat Majmuk

Masa: [3 jam]

ARAHAN KEPADA CALON

- Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
 - Jawab TIGA soalan sahaja. Bahagian A WAJIB dijawab dan Bahagian B jawab DUA soalan.
 - Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.
-

BAHAGIAN A :

1. "Dengan proses modenisasi dan usaha-usaha ke arah integrasi nasional di negara-negara sedang membangun, konsep 'masyarakat majmuk' sudah tidak relevan kepada politik semasa di negara-negara tersebut." Bincangkan.
(100 markah)

BAHAGIAN B :

2. Berikan analisa anda tentang pernyataan bahawa politik di negara-negara masyarakat majmuk mempunyai masa depan yang gelap dari segi masalah perkauman.
(100 markah)
3. Sejauh manakah boleh dipertahankan pendapat bahawa penjajahan kuasa asing terhadap negara-negara masyarakat majmuk mempunyai kesan positif dalam meredakan ketegangan perkauman ?
(100 markah)
4. Dengan menggunakan contoh-contoh dari dunia sebenar, huraikan kategori-kategori konfigurasi perkauman dalam politik masyarakat majmuk mengikut Rabushka dan Shepsle.
(100 markah)
5. "Pengalaman negara Malaysia dari merdeka sehingga 13 Mei 1969 menepati teori pengkaji-pengkaji politik masyarakat majmuk." Bincangkan.
(100 markah)

- oooooOoooo -